

UNSUR BUDAYA KAUM LAIN SEBAGAI JATI DIRI KEBANGSAAN DAN PEMERSATU BANGSA MALAYSIA DALAM SAJAK PILIHAN TERBITAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

(*Elements of Cultures of other Races as National Identity and Unifying of Malaysians in Dewan Bahasa dan Pustaka's Selected poems*)

**Syaidul Azam Kamarudin*
syaidul@dbp.gov.my

Arba'ie Sujud
arbaie@upm.edu.my

Mohd. Zariat Abdul Rani
zariat@upm.edu.my

Kamariah Kamarudin
kkamaria@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.

Published online: 5 December 2019

To Cite: Syaidul Azam Kamarudin, Arba'ie Sujud, Mohd. Zariat Abdul Rani dan Kamariah Kamarudin. (2019). Unsur Budaya Kaum Lain sebagai Jati Diri Kebangsaan dan Pemersatu Bangsa Malaysia dalam Sajak Pilihan Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. *Malay Literature*, 32(2), 257-278.

Abstrak

Jati Diri Kebangsaan (JDK) ialah teras pembinaan negara bangsa khususnya bagi rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan berlainan latar budaya seperti di Malaysia. Oleh sebab itu, pemahaman dan penghayatan masyarakat terhadap JDK menjadi tonggak penting kepada negara. Kajian ini bertujuan menganalisis jati diri kebangsaan dalam sajak yang dikaji dan seterusnya merumuskan pelestarian jati diri kebangsaan dalam sajak terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kajian ini dilakukan secara kaedah membaca teliti dan secara analisis kandungan terhadap sajak-sajak terpilih terbitan DBP dari tahun 2010 sehingga tahun 2015. Analisis kajian menggunakan prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 sebagai kerangka konseptual dengan menumpukan pada aspek unsur budaya kaum lain sebagai elemen JDK. Dapatkan kajian mendapati sajak yang dikaji memperakarkan bahawa unsur kebudayaan kaum lain bebas diamalkan, manakala unsur budaya kaum lain yang sesuai berdasarkan prinsip DKK menjadi elemen pemersatu rakyat dan pemangkin semangat JDK di Malaysia.

Kata kunci: Jati diri kebangsaan; bangsa Malaysia; Dasar Kebudayaan Kebangsaan; Dewan Bahasa dan Pustaka

Abstract

National identity is the core of nation building, especially for a nation that is made up of different races and cultural backgrounds, as is Malaysia. It is imperative for the country, therefore, that there is understanding and appreciation on the part of society of a national identity. The purpose of this research is to analyse national identity in the poems under study, and subsequently to preserve the national identity in these poems published by Dewan Bahasa dan Pustaka. The method used in this study of selected poems published by DBP from 2010 until 2015 was close reading and content analysis. The study's analysis employed the principles of the National Culture Policy 1971 as its conceptual framework by focusing on the aspect of other cultures' elements as a part of national identity. The results of the study show that the poems analysed recognize that cultures of other races are freely practiced, while the elements of other ethnic cultures that fit with the principles of the National Culture policy become a unifying element of the people and the catalyst of the national identity of Malaysia.

Keywords: *National identity; nation, National Culture Policy, Dewan Bahasa dan Pustaka*

PENDAHULUAN

Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dengan kepelbagaiannya latar budaya. Dalam konteks ini, jati diri kebangsaan (JDK) menjadi aspek penting dalam pembinaan sebuah negara bangsa yang bersatu padu dan

harmoni. Hal ini mendapat perhatian yang serius sejak awal penubuhan negara ini.

Kesan terhadap pergolakan antara kaum antaranya dapat dilihat dalam peristiwa 13 Mei 1969. Pada tarikh tersebut telah berlaku rusuhan kaum di Malaysia. Peristiwa berdarah ini, menjadi episod hitam dalam sejarah negara dan mengakibatkan kematian dan kemasuhan harta benda. Peristiwa ini menunjukkan reaksi kemuncak pergolakan kaum yang telah berlaku di Malaysia. Kua Kia Soong (2008, pp. 10-11) melalui kajiannya menyatakan bahawa:

Perangkaan rasmi menunjukkan bahawa semasa kekacauan sivil 13 Mei 1969, 196 dibunuh, 180 tercedera oleh senjata api dan 259 tercedera oleh senjata-senjata lain. Menurut laporan Majlis Gerakan Negara, seramai 9,143 orang telah ditangkap dan 5,561 daripada mereka telah dituduh di Mahkamah. Semasa rusuhan tersebut berlaku 6,000 orang kehilangan rumah mereka, sekurang-kurangnya 211 buah kenderaan rosak atau musnah sementara 753 buah bangunan rosak atau hangus akibat kebakaran.

Kesannya, darurat telah diisytiharkan dan Parlimen digantung selama dua tahun serta pindaan terhadap perlombagaan yang mengehadkan kebebasan bersuara dan Akta Hasutan 1948 (Nazri, 2017, p. 24). Di Malaysia selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei, usaha merangka perpaduan nasional dan jati diri kebangsaan ini dilaksanakan secara teratur dan terancang. Umpamanya, kerajaan telah mewujudkan Rukun Negara dan melaksanakan dasar tertentu untuk menyatupadukan semua kaum. Antaranya termasuklah pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK).

Dengan hasrat membina semula perpaduan antara kaum yang terpecah akibat peristiwa 13 Mei 1969, Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) telah dibentuk pada tahun 1971. Oleh itu, prinsip DKK ini menjadi asas persefahaman dalam usaha membangunkan peradaban negara bangsa melalui pemahaman terhadap JDK.

KONSEP JATI DIRI KEBANGSAAN

Perbincangan seterusnya akan membincangkan konsep “Jati Diri Kebangsaan” yang akan digunakan dalam kajian ini. JDK berkait rapat dengan negara bangsa (*nation*) yakni konsep teras kepada ideologi nasionalisme. Kajian oleh Teo (2012, p. 200) menjelaskan bahawa negara

bangsa, merujuk satu populasi yakni sekelompok manusia yang secara unggulnya (i) terdiri daripada satu kumpulan etnik yang memiliki salasilah dan sejarah yang sama, (ii) mengamalkan satu budaya yang dimiliki bersama (termasuklah bertutur dalam satu bahasa), (iii) berada dalam satu wilayah yang jelas sempadannya, (iv) kebajikan mereka diuruskan oleh satu pentadbiran pusat/wilayah, dan (v) menikmati manfaat sebagai rakyat. Selain itu, suatu kualiti penting tentang negara bangsa ialah kelompok manusia ini wajib memiliki perasaan sayang serta taat terhadap kelompok manusia yang mereka anggotai itu (Simpson, 2007). Oleh itu, untuk menyatukan rakyat, usaha pemupukan keinsafan dalam kalangan rakyat, tentang peri pentingnya pembentukan satu populasi yang memiliki pelbagai ciri nasional yang dikongsi bersama, selain membentuk satu arah tuju yang dimiliki bersama (Birch, 1989).

Terbentuknya jati diri kebangsaan (JDK) dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum penting dalam pembinaan negara bangsa yang stabil dan maju. Oleh itu, JDK merupakan semangat yang muncul daripada perasaan setia kepada negara dengan mendukung aspirasinya secara tidak berbelah bagi. Hal ini sejajar dengan pandangan Ahmad Mahmood (2008) bahawa kekuatan jati diri bangsa dan semangat patriotik yang utuh sebenarnya menjadi teras pembinaan negara. Dalam konteks ini Amat Johari, (2017, p. 101) berpendapat bahawa apa-apa sahaja yang bersifat kebangsaan di Malaysia ini mestilah berasaskan kebudayaan Melayu, bahasa Melayu dan agama Islam. Namun demikian, unsur kebudayaan daripada kaum lain boleh dimasukkan dan diserap dalam kebudayaan kebangsaan melalui proses penyerapan yang sesuai dan diterima oleh masyarakat.

Bagi tujuan kerangka konseptual, JDK dalam konteks di Malaysia dapat dikaitkan dengan tiga prinsip DKK seperti yang berikut:

- (1) Kebudayaan kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini.
- (2) Unsur-unsur kebudayaan lain yang *sesuai* dan *wajar* boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.
- (3) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

“Sesuai dan wajar” disebut dalam konsep kedua itu haruslah dertiakan dalam konteks konsep pertama dan ketiga itu, tidak daripada nilai yang lain. Oleh itu, dalam menjelaskannya, prinsip kedua ini turut mendukung prinsip pertama dan ketiga DKK. Walau bagaimanapun, dalam konteks

kajian ini, prinsip kedua DKK sahaja akan dibincangkan, iaitu unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.

KONSEP BANGSA MALAYSIA


Bagi mengelakkan timbulnya sebarang kekeliruan, penelitian tentang konsep bangsa Malaysia perlu dijelaskan terlebih dahulu. Hal ini penting kerana penelitian kajian menyentuh soal negara yang berkait dengan bangsa. Dalam konteks kajian ini, konsep bangsa Malaysia merujuk warga negara Malaysia atau rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan. Walaupun dari sudut antropologi dan kajian linguistik bangsa juga merujuk kumpulan etnik, contohnya seperti bangsa Melayu, Cina, India dan sebagainya, tetapi dalam konteks pembinaan sesebuah negara khususnya bagi negara yang berhasrat membina acuannya sendiri setelah merdeka, proses pembinaan rakyat bagi sesebuah negara diberikan keutamaan. Maka, bagi negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat bangsanya ialah bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan. Dalam konteks negara majmuk seperti di Malaysia, JDK dapat dimantapkan melalui persefahaman dan toleransi antara kaum agar lahir bangsa Malaysia yang dibanggakan.

Prinsip Kedua DKK: Unsur kebudayaan Kaum Lain yang Sesuai dan Wajar Boleh Diterima Menjadi Unsur Kebudayaan Kebangsaan

Selaras dengan kedudukan Malaysia yang masyarakatnya berlainan bangsa, unsur kebudayaan kaum lain diberikan ruang dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK). Oleh itu, dalam prinsip kedua DKK menyatakan bahawa unsur kebudayaan kaum lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.

Di samping itu, dalam menjelaskan prinsip kedua DKK ini, satu perkara yang perlu difahami bahawa “sesuai dan wajar” itu haruslah mendukung prinsip pertama dan ketiga DKK. Prinsip pertama DKK menyatakan bahawa kebudayaan kebangsaan hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini dan prinsip ketiga pula menyatakan bahawa Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Hal ini dapat ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.

Dalam konteks ini, sesuatu elemen budaya luar itu boleh diterima menjadi unsur DKK asalkan tidak bercanggah dengan agama Islam. Hal



Rajah 1 Hubungan antara prinsip kedua DKK dengan prinsip pertama dan prinsip ketiga.

ini diperjelas oleh Rais (2009, p. 15) bahawa dalam menentukan unsur yang sesuai dan elemen yang wajar untuk diserapkan dalam kebudayaan nasional, maka perlulah berteraskan agama Islam. Dalam kata lain, sesuatu elemen budaya luar itu boleh diterima menjadi unsur DKK asalkan tidak bercanggah dengan tuntutan agama Islam. Budaya kaum lain yang sesuai ini perlu dipelihara dan diterima secara kolektif berteraskan budaya Melayu dan bertunjangkan agama Islam. Hal ini bertujuan untuk memelihara hubungan dan perpaduan yang wujud antara kaum.

Selanjutnya, untuk memahami prinsip kedua DKK ini, unsur kebudayaan kaum masing-masing masih bebas diamalkan. Di samping itu, elemen budaya yang menyumbang dan membantu pembinaan negara bangsa Malaysia sewajarnya diterima. Ali (1976, p. 3) menyatakan bahawa kebudayaan bukan bumiputera yang unsurnya tidak diambil dan diserapkan dalam kebudayaan kebangsaan, sesuai dengan prinsip demokrasi, yang diamalkan oleh negara, maka mereka kekallah sebagai kebudayaan masing-masing kaum atau keturunan itu. Sehubungan dengan itu, (A. Aziz Deraman, 2001, p. 144) menjelaskan bahawa kebudayaan kesukuan ialah pengalaman tradisi budaya suku kaum dan kumpulan rakyat di Malaysia misalnya, orang Cina, India, Iban, Murut, Bajau, Bidayuh, Kadazan Dusun, Melanau, dan suku asli yang akan terus hidup. Akan tetapi kebudayaan kebangsaan ialah kebudayaan yang wujud melalui proses tertentu, iaitu

penerimaan unsur yang sesuai yang mencerminkan identiti Malaysia berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini, melangkaui kebudayaan suku, menunjukkan unsur kebangsaan Malaysia, serta semangat dan nilai positif dalam kalangan rakyat.

Oleh itu, JDK yang berpandukan kebudayaan kebangsaan dalam konteks di Malaysia dapat dianggap meraikan unsur kebudayaan kaum lain atau unsur asing sebagai unsur kebudayaan kebangsaan selagi tidak bercanggah dengan kebudayaan Melayu yang berasaskan agama Islam. Unsur kaum lain yang sesuai dengan kebudayaan rakyat asal rantau ini, serta tidak bercanggah dengan kepentingan kebangsaan haruslah dipupuk kerana dapat memperkaya khazanah kebudayaan kebangsaan. Dalam konteks ini, unsur kaum lain itu perlu sesuai dengan norma yang telah wujud. Tegasnya, dalam memahami konsep kedua DKK ini, yang dipentingkan ialah sifat yang melambangkan citra kebangsaan. Sebaliknya tidak berdasarkan amalan kebudayaan kaum atau suku secara berasingan. Kebudayaan kaum lain yang pelbagai ini bebas diamalkan mengikut kefahaman budaya masing-masing. Hal ini menunjukkan penghormatan kepada warisan seni budaya pelbagai etnik di samping pemeliharaan suatu budaya yang dominan (budaya Melayu) sebagai teras yang bertujuan memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Prinsip kedua DKK, iaitu unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan, wajar dihormati secara kolektif bagi memperkuuh JDK dalam kalangan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, harus difahami bahawa prinsip ini tidak berdiri dengan sendiri. Sebaliknya mendukung prinsip pertama dan ketiga DKK seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama. Kepelbagaian ini menjadi citra Malaysia. Menurut M. Rajantheran dan Manimaran Subramanian jati diri kaum masing-masing begitu kuat mempengaruhi mereka dan dipertahankan sebagai identiti yang ingin dikekalkan selama-lamanya. Namun begitu, Malaysia telah berjaya membina perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*), dengan sikap saling mengenal dan saling menghormati dalam masyarakat majmuk. Nilai dan jati diri yang dikongsi bersama perlu dipupuk sebagai asas ataupun landasan bagi menjamin keharmonian masyarakat Malaysia (2012, p. 153).

Nilai budaya kaum lain antaranya dapat dilihat dalam sajak melalui pemaparan budaya sesuatu kaum dengan lebih jujur yang dihasilkan oleh penulisnya. Lebih-lebih lagi sajak yang ditulis oleh kaum etnik tertentu yang pastinya lebih memahami susur galur kebudayaan yang diwarisi.

Keunikan seperti ini jarang wujud di negara lain, perpaduan dalam kesatuan bangsa Malaysia menjadi amat penting. Perpaduan yang erat seterusnya dapat membina JDK dengan keperibadian dan kerohanian yang seimbang agar terbentuk generasi bangsa Malaysia yang dibanggakan.

Dalam konteks ini, A. Aziz Deraman (2012, p. 131) berpandangan bahawa rakyat dapat bersatu padu apabila berlakunya perkongsian nilai yang sama, berganding bahu memperagakan jati diri negara sendiri dan mengangkat warisan budaya bangsa sebagai lambang kemegahan bersama. Pengamatan di atas menjelaskan bahawa, kekuatan JDK ini mampu menjana warga negara yang cinta akan negara dan seterusnya bersama-sama membina negara bangsa Malaysia yang kukuh dan bersatu padu.

Selanjutnya, berdasarkan pengamatan Abdul Latif bahawa sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan ialah teras pemerintahan dan pentadbiran negara. Hal ini diperkuuh dengan kedaulatan negara Malaysia yang memberikan pengiktirafan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan agama Islam sebagai agama persekutuan, manakala bahasa, agama dan kebudayaan bukan Melayu tetap bebas diamalkan. Seterusnya orang Melayu dan bumiputera pula diiktiraf dalam perlumbagaan (Perkara 160) dengan diberikan hak keistimewaan (perkara 153). Rakyat Malaysia bebas beragama, berbudaya dan terjamin hak asasi setiap warga negara Malaysia berdasarkan perlumbagaan dan undang-undang Malaysia. Perkara ini menjadi panduan dan asas kepada JDK Malaysia (2012, pp. 10-12).

Hal ini jelas menunjukkan perkaitan dengan prinsip kedua yang terkandung dalam DKK (1971), iaitu unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan. Pemahaman ini menjurus kepada kepentingan semangat JDK dalam kalangan rakyat Malaysia yang tersirat dalam DKK.

Hujah di atas menjelaskan bahawa Islam dan Melayu menjadi teras JDK sementara manifestasi kebudayaan lain diterima selagi tidak bertentangan dengan kebudayaan Melayu dan agama Islam. Oleh itu, berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada rakyat Malaysia perlu bersifat fleksibel dan dinamik dalam usaha memupuk perpaduan nasional terutamanya dalam pengisian prinsip “unsur kebudayaan lain wajar” selagi tidak bertentangan dengan nilai-nilai kebangsaan. Hal ini seterusnya dapat mengukuhkan JDK serta menghindar daripada berlakunya polemik dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah pembacaan secara pembacaan teliti (*close reading*) dalam proses pemilihan sajak. Membaca teliti merupakan cara dan upaya untuk memperoleh pemahaman sepenuhnya atas suatu bahan bacaan (Tarigan, 2008, p. 40). Membaca teliti ialah satu kaedah yang dapat digunakan untuk memperoleh maklumat dalam bahan bacaan dengan tujuan untuk memahami idea pengarang serta konsep-konsep khas di dalamnya. Untuk menguasai bahan bacaan, proses membaca teliti ini dilakukan dengan menanda bahagian yang penting dan relevan dengan kajian. Melalui kaedah ini pembaca berusaha untuk memahami kandungan teks seterusnya menghubungkan idea sampingan dengan idea utama. Kajian ini juga menggunakan kaedah analisis kandungan untuk meneliti jati diri kebangsaan dalam sajak terbitan DBP. Oleh itu, kajian menerapkan prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) melalui prinsip kedua, iaitu unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Unsur-unsur Kebudayaan Kaum Lain dalam Sajak

Bahagian ini akan membincangkan sajak yang dapat dikaitkan dengan prinsip kedua DKK dalam pelestarian JDK. Prinsip tersebut ialah, unsur-unsur kebudayaan kaum lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, prinsip kedua ini turut menyatakan bahawa “sesuai dan wajar” itu mesti mendukung prinsip pertama dan ketiga DKK. Prinsip kedua ini mendukung hasrat agar unsur kebudayaan kaum lain tidak terhakis. Dalam hal ini, dua aspek yang berkaitan dengan unsur kebudayaan kaum lain yang ditemui dalam sajak-sajak terbitan DBP tahun 2010 hingga 2015 ialah kebudayaan kaum Cina dan kebudayaan etnik Sabah dan Sarawak.

Analisis yang berikutnya akan menampilkan aspek kebudayaan kaum Cina dan kebudayaan etnik Sabah dan Sarawak yang menggambarkan bahawa unsur-unsur kebudayaan kaum lain bebas diamalkan dan dihormati secara bersama dalam pengukuhan JDK.

Kebudayaan Kaum Cina

JDK yang melambangkan kesepuhaan bersama dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di Malaysia mampu direalisasikan sekiranya pemahaman antara budaya sesuatu kaum lain dapat ditingkatkan. Menurut Ting (1979, p. 49) kebudayaan Cina Malaysia boleh difahamkan sebagai keseluruhan cara hidup orang Cina di Malaysia. Kebudayaan kaum Cina dalam konteks kajian ini merujuk sistem kepercayaan, kesenian, adat resam dan tradisi yang diamalkan oleh kaum Cina di Malaysia yang dapat menyumbang ke arah persefahaman JDK. Kebudayaan kaum Cina adalah antara elemen unsur-unsur kebudayaan lain yang terkandung dalam prinsip kedua DKK.

Budaya ialah cara hidup sesuatu masyarakat yang perlu dipelihara. Melalui analisis ini dapat dikesan penggunaan unsur kebudayaan kaum Cina yang digunakan oleh penyair untuk meningkatkan perpaduan rakyat Malaysia. Hal ini diperkuuh dengan pandangan Anwar Ridhwan (2008, p. vii) bahawa Malaysia sebagai sebuah negara majmuk lebih bersikap terbuka dan demokratik kerana sungguhpun unsur-unsur kebangsaan yang berpaksi kepada kebudayaan Melayu atau peribumi itu dikekalkan, pada masa yang sama anggota masyarakat daripada kelompok yang lain tetap bebas mempraktikkan kebudayaan dan kepercayaan mereka. Mereka bebas melaksanakan aktiviti kehidupan berasaskan budaya, bahasa dan sastera masing-masing.

Tegasnya, tidak semua dalam kalangan bangsa Malaysia memahami kehidupan dan amalan kebudayaan kaum lain seperti yang difahami oleh kaum itu sendiri. Sajak merapatkan persefahaman kerana menjelaskan pemikiran yang ada dalam budaya sesuatu kaum seterusnya mengurangkan tanggapan negatif terhadap sesuatu kaum tersebut.

Dalam konteks analisis, karya sastera seperti sajak bersifat kreatif imaginatif dengan pemilihan ungkapan dan diksi yang terpilih oleh penyair. Pemilihan bahasa melalui sesuatu diksi dan kata membolehkan pembaca melakukan tafsiran makna dalam sajak. Walaupun sajak bersifat kreatif dan bebas untuk ditafsirkan melalui penilaian tertentu pembacanya, namun diksi dan kata berperanan untuk menggambarkan keseluruhan idea penulis dan makna yang ingin disampaikannya. Menurut Arbaie *et al.* (2005, p. 541) wujud hubungan yang erat antara bahasa dan sastera. Oleh itu, dalam karya kreatif bahasa berperanan penting. Hal ini demikian kerana bahasa dan sastera terikat dalam jalinan disiplin yang dipadankan, dan keupayaan bahasa yang digunakan mampu menggalas dan menyelongkar khazanah komunikatif sama ada tersurat maupun tersirat. Penelitian dari aspek

pemilihan dan penggunaan kata dalam sajak dilakukan bagi mengenal pasti idea pengarang untuk menonjolkan persoalan tentang JDK.

Oleh hal yang demikian beberapa sajak memperlihatkan kecenderungan mengemukakan unsur kebudayaan Cina sebagai tumpuan penyair. Unsur kebudayaan ini yang diungkapkan oleh penyair Leo AWS dalam sajak bertajuk “Gong Xi Fa Cai” (*Gelombang Cengkerama dan Tsunami*, 2010, p. 135). Persefahaman antara kaum dan persahabatan antara individu berlainan bangsa dipaparkan penyair pada r:2, b:1-7 dalam sajak di bawah:

Sejak tahun Kuda, Saudara Goh,
kita tak bertemu. Dan menjelang tahun Monyet,
kuucapkan: Gong Xi Fa Cai buatmu sekeluarga
di Lumut. Lalu kuingatkan dirimu; zaman
kanak-kanak di kampung kita dahulu:
Mu sebagai jaguh menyelam di sungai, dan
mu suka membakar mercun...

Dalam sajak di atas penyair menggambarkan nilai persahabatan antara kaum yang kekal sejak dari kecil hingga dewasa. Nilai persahabatan ini diimbau kembali oleh penyair melalui kenangan zaman kanak-kanak dan kemudian terpisah kerana memenuhi tuntutan hidup. Namun begitu, ingatan dan jalinan kemesraan antara dua kaum, iaitu Melayu dan Cina terus berkekalan sehingga mereka dewasa. Ungkapan *Sejak tahun Kuda, Saudara Goh,/kita tak bertemu. Dan menjelang tahun Monyet,/kuucapkan: Gong Xi Fa Cai buatmu sekeluarga/ di Lumut. Lalu kuingatkan dirimu; zaman/ kanak-kanak di kampung kita dahulu* memberikan gambaran sebuah masyarakat yang pelbagai kaum yang hidup harmoni dan saling hormat-menghormati melalui persahabatan yang dibina. Nilai perpaduan yang dipentingkan dalam pembinaan JDK tercermin dalam sajak ini dengan suasana harmoni yang terbina antara kaum. Perayaan Tahun Baru Cina dan ucapan Gong Xi Fa Cai diraikan penyair bagi menghormati unsur kebudayaan kaum Cina seterusnya mencerminkan perpaduan antara kaum yang wujud di Malaysia.

Selain itu, perkataan seperti “tahun kuda”, “tahun monyet”, “Gong Xi Fa Cai” dan “mercun” secara konkret menggambarkan budaya kaum Cina. Kata tersebut tidak dipilih tanpa sebarang sebab oleh penyair melainkan berdasarkan pertimbangan latar budaya dan pengalaman yang dilaluinya. Sajak memperlihatkan persefahaman antara masyarakat berbilang kaum

dan amalan saling hormat-menghormati masyarakat pelbagai kaum yang wujud dalam kehidupan bangsa Malaysia. Tegasnya, menghormati budaya kaum lain menjadi elemen penting dalam pembentukan JDK dalam sesebuah masyarakat. Hal ini juga perlu dilihat secara timbal balik. Hubungan baik antara kaum ini juga mewujudkan persefahaman yang setara kaum lain terhadap budaya Melayu sebagai teras DKK. Hal ini memberikan erti kepada prinsip kedua DKK, iaitu unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan dalam mewujudkan JDK dalam kalangan bangsa Malaysia.

Di samping itu, persoalan tentang kebudayaan kaum Cina dapat dilihat dalam sajak Marzuki Ali berjudul “Kota Warisan Dunia-Pulau Pinang” (*Rahang Lahar*, 2015, pp. 247-248). Dalam sajak ini penyair menggambarkan keharmonian antara kaum yang lahir di Malaysia. Hal ini dapat dilihat pada r:4, b:1-10 dalam petikan berikut:

Inilah kota warisan kita warisan dunia
berwarna-warni multietnik warga megah ceria
yang harmoni segala nian sukma jiwa merdeka.
di sini tumbuh resam adat budaya apa Jawi pekan,
Arab peranakan dan Baba nyonya berjiran
memperkayakan langgam pantunan boria, bangsawan, opera Cina
segalanya ceria di musim pestaan
memperkasa atma rukun peradaban perpaduan watan
yang teguh selama jejelang!

Dalam sajak di atas penyair mencerminkan kepelbagaiannya budaya di negeri Pulau Pinang antaranya termasuklah boria, bangsawan dan opera Cina. Hal ini dapat dilihat melalui ungkapan *di sini tumbuh resam adat budaya apa Jawi pekan/ Arab peranakan dan Baba nyonya berjiran / memperkayakan langgam pantunan boria, bangsawan, opera Cina*. Ungkapan tersebut dapat menjelaskan idea penulis terhadap JDK dan kesukaran memelihara sesuatu budaya. Dalam konteks ini, opera Cina menghadapi cabaran untuk dilestarikan pada masa kini. Dapatlah dikatakan bahawa persembahan opera Cina menghadapi nasib seperti persembahan bangsawan oleh masyarakat Melayu yang semakin kurang pelapis dan peminatnya. Teater Melayu tradisional seperti bangsawan, makyung dan wayang kulit juga semakin kurang penggiat dan penggemarnya. Hal ini antara lain disebabkan oleh hiburan teknologi baharu seperti radio, tv, internet dan telefon pintar mengambil alih perhatian khalayak seterusnya meminggirkan teater tradisional.

Walau bagaimanapun, melalui ungkapan *segalanya ceria di musim pestaan /memperkasa atma rukun peradaban perpaduan watan / yang teguh selama jejelang!* sajak ini berupaya memaparkan perpaduan yang dijalin melalui unsur-unsur kebudayaan kaum lain. Unsur-unsur kebudayaan yang pelbagai ini menjadi pemangkin kepada semangat JDK dan diraikan secara bersama-sama dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini dapat dirujuk melalui prinsip kedua DKK sebagai manifestasi kebersamaan yang mengangkat prinsip kemakmuran hidup bersama. Keharmonian dan ikatan perpaduan ini perlu dipertahankan seterusnya menyerlahkan keunikan budaya dan perasaan muhibah bagi negara majmuk seperti di Malaysia.

Sajak-sajak di atas telah memaparkan kebudayaan kaum Cina yang menggambarkan bahawa unsur-unsur kebudayaan kaum tersebut adalah bebas untuk diamalkan mengikut amalan budaya masing-masing. Rakyat berbilang bangsa digambarkan oleh penyair sebagai memahami dan menghormati budaya kaum Cina dan merealisasikan perpaduan nasional. Aspirasi inilah yang diinginkan untuk mencapai kualiti hidup dalam masyarakat berbilang bangsa dan budaya. Rakyat di Malaysia mendapat kebebasan mengamalkan budaya kaum masing-masing di samping nilai-nilai yang dikongsi bersama ini menjadi asas pembinaan JDK.

Kebudayaan Etnik Sabah dan Sarawak

JDK yang menjadi lambang kesepuhaan bersama dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di Malaysia juga dapat dilihat melalui kebudayaan etnik Sabah dan Sarawak. Seperti yang terkandung dalam prinsip kedua DKK, kebudayaan etnik Sabah dan Sarawak adalah antara unsur-unsur kebudayaan lain yang bebas diamalkan. Kebudayaan etnik Sabah dan Sarawak boleh difahamkan sebagai keseluruhan cara hidup etnik Sabah dan Sarawak di Malaysia. Dalam konteks kajian ini, kebudayaan etnik Sabah dan Sarawak merujuk cara hidup yang diamalkan dan dikekalkan oleh etnik tersebut yang dapat menyumbang ke arah pemahaman JDK.

Sabah dan Sarawak negeri yang luas. Kedua-dua negeri ini terdiri daripada pelbagai suku kaum yang menyerlahkan kepelbagaiannya budaya yang unik dan tersendiri. Nilai-nilai budaya yang kaya di Sabah dan Sarawak dipelihara dan dipertahankan oleh masyarakatnya. Penduduk pelbagai kaum ini mengamalkan adat tradisi yang menjelaskan amalan dan kepercayaan masing-masing dan mereka bebas dalam pengamalannya. Elemen budaya yang unik ini harus dipelihara kerana berperanan penting

untuk mengeratkan hubungan dan perpaduan antara kaum seperti yang dihasratkan dalam DKK melalui prinsip kedua.

Dalam analisis sajak yang berikutnya ditemui unsur kebudayaan etnik Sabah dan Sarawak yang digembleng oleh penyair sebagai unsur budaya yang merentas kaum. Dalam konteks ini, pembinaan negara yang merentas sempadan etnik amat penting bagi negara majmuk seperti di Malaysia. Hal ini mula diberikan perhatian sejak negara baru saja mencapai kemerdekaan. Kepelbagaian populasi kaum di Malaysia mencetuskan kesedaran tentang perlunya pengisian sebuah negara bangsa yang merentas sempadan etnik. Lebih penting lagi membentuk sebuah negara bangsa yang muhibah dan bertamadun dalam kepelbagaian budaya ini.

Oleh hal yang demikian beberapa sajak cenderung mengemukakan unsur kebudayaan etnik di Sabah dan Sarawak dalam mengeratkan keharmonian kaum serta memupuk JDK. Unsur ini diungkapkan oleh A. Aziz Deraman dalam sajaknya berjudul “Kokok Ayam Tenom” (*Suara Gunung Kehidupan*, 2014, p. 71). Penyair memaparkan sifat bangsa Malaysia yang bersatu hati walaupun pelbagai suku keturunannya pada r:3, b:1-10: dalam sajak di bawah:

Tenom, wargamu pelbagai sukuan
terlakar jiwa pada satu perasaan
biarpun di sini dibayangi Murut
hadir warna hatinya sama melutut
apabila tahu diri miliki satu bahasa
bicara bangsa setia terjalin lama
dari zaman bahasa alat tutur kita
zaman bahasa tinggi berupa
segenap desa kota daerah *nusa*
menjadi satu kerananya.

Dalam sajak di atas penyair mengungkapkan kepelbagaian suku masyarakat di Tenom, Sabah. Kawasan Tenom didominasi oleh kaum Murut dengan budayanya yang unik. Kaum Murut terkenal menjalankan kegiatan menanam padi huma, memungut rotan dan damar serta berburu sebagai aktiviti harian. Penyair menghadirkan sajaknya dengan kepelbagaian budaya. Penyair melihat satu ikatan yang telah terjalin sejak sekian lama dalam masyarakat yang pelbagai ini. Ungkapan *apabila tahu diri miliki satu bahasa/ bicara bangsa setia terjalin lama* dan ungkapan *segenap desa kota daerah nusa/ menjadi satu kerananya* menggambarkan semangat JDK yang lahir dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Ikatan sebagai sebuah bangsa Malaysia yang muhibah ini dijalin dengan rasa hormat-menghormati sesama mereka walaupun berbeza bahasa dan fahaman agama. Aspirasi DKK dijelmakan penyair dalam sajak melalui kata *pelbagai sukuan*, *Murut* dan *nusa* yang mencerminkan elemen pelbagai budaya masyarakat Malaysia. Hal ini sejajar dengan prinsip kedua DKK, iaitu kebebasan mengamalkan budaya kaum masing-masing sebagai sumber penyatuan yang harus dikongsi bersama dalam JDK.

Di samping itu, unsur kebudayaan etnik Sarawak dalam sajak Nassury Ibrahim berjudul “Penenun Pua” (*Gelodak rasa*, 2004, p. 92) terjelma dalam rangkap berikut:

...

menyulam benang warisan
begitu lincah
kenal setiap warna dan corak
daripada kepak sayap burung
dan tumbuh-tumbuhan
menjelma pua warisan
indah dan halus

inilah seri kaum Iban
warisan turun-temurun
tak lekang dek panas
tak lapuk dek hujan
indah memancar cinta
halus memancar jiwa
jalinan warna dan corak
tak terbencikan waktu
teknologi dan rasa

Sajak ini mengetengahkan unsur warisan kebudayaan kaum Iban yang terkenal, iaitu sejenis tenunan yang dinamakan pua kumbu. “Pua” bermaksud selimut dan “kumbu” ialah perbuatan membalut badan dengan sesuatu seperti kain untuk menahan diri daripada kesejukan. Proses menenun mengambil masa yang lama dan rumit kerana sekali proses, iaitu “pautan” dilakukan, hanya sehelai benang dapat dihasilkan. Namun begitu, pua kumbu dapat dihasilkan kerana kesungguhan dan kemahiran seseorang penenun dalam penghasilan seni yang bermutu. Hal ini juga didorong oleh kesedaran pemeliharaan unsur warisan budaya yang tinggi nilainya. Melalui ungkapan, *inilah seri kaum Iban/warisan turun-temurun/tak lekang dek panas/tak lapuk dek hujan/indah memancar cinta/halus*

memancar jiwa/jalinan warna dan corak/tak terbencikan waktu/teknologi dan rasa menggambarkan penghargaan penulis terhadap kehalusan seni tenunan yang kekal terpelihara. Pemilihan kata seperti *benang warisan* dan *pua warisan* berupaya mencerminkan idea pengarang terhadap warisan seni budaya yang luas dan kaya dimiliki oleh masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Walaupun masa beredar dan masyarakat dirempuh oleh kecanggihan teknologi, namun seni tenunan ini terus dilestarikan oleh masyarakat kaum Iban sehingga hari ini.

Selain sajak Nassury Ibrahim yang mengungkapkan kesenian tenunan Sarawak, penyair Marzuki Ali mengangkat unsur kebudayaan masyarakat Sarawak melalui sajaknya berjudul “Tudung Kalingkang” (*Pesan Bonda*, 2011, p. 84). Siti Marina (2014, p. 28), menjelaskan bahawa tudung ini merupakan perhiasan wanita Melayu Sarawak yang diwarisi sejak turun-temurun. Tudung Kalingkang merupakan salah satu seni halus dan kraf tangan masyarakat Melayu Sarawak yang masih bertahan sehingga hari ini. Dalam pengertian lama, perhiasan ini dikenali sebagai selayah lama. Dalam keluarga Melayu Sarawak pemilikan tudung tersebut diturunkan daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Kesenian dan warisan kebudayaan Melayu Sarawak ini dapat dilihat dalam petikan sajak seperti di bawah:

Kelingkang tudung kelingkang
dihadiahkan ayah kraf dari bumi kenyalang
untuk ibu yang tersayang
Kelingkang tudung kelingkang
warna merah kesumba menawan
kasar rabiah jahitan tangan

Kelingkang tudung Kelingkang
sewaktu selendang tersidai kering di ampaian
cuba kupakaikan bercermin sambil melirik senyuman.
Kelingkang tudung Kelingkang
pusaka warisan bangsa kita budaya silam
menjadi kemegahan zaman-berzaman

Sajak “Tudung Kalingkang” oleh Marzuki Ali menggambarkan kesenian dan kepelbagai etnik yang kekal menjadi kemegahan zaman berzaman. Ungkapan *Kelingkang tudung Kelingkang/ dihadiahkan ayah, kraf dari bumi Kenyalang/ untuk ibu yang tersayang* menggambarkan penghargaan kepada warisan seni kaum lain dalam kalangan masyarakat

Malaysia. Walaupun berlainan bangsa, seni warisan ini dihargai bersama. Busana ini juga menjadi kebanggaan bersama melalui ungkapan *Kelingkang tudung Kelingkang / sewaktu selendang tersidai kering di ampaian / cuba kupakaikan bercermin sambil melirik senyuman*. Seterusnya ungkapan *Kelingkang tudung Kelingkang / pusaka warisan bangsa kita budaya silam/ menjadi kemegahan zaman-berzaman* lebih menjelaskan hasrat penulis yang menyedari bahawa antara unsur budaya kaum lain ini harus diketengahkan sebagai wadah pemersatu bangsa Malaysia. Hal ini positif kerana kecenderungan penyair dari Semenanjung Malaysia mengangkat persoalan kebudayaan etnik seperti ini mencerminkan pelestarian terhadap unsur kebudayaan kaum lain yang bebas diamalkan mengikut amalan dan kepercayaan masing-masing. Hal ini sejajar dengan prinsip kedua DKK yakni, unsur kebudayaan kaum lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan yang menjadi elemen penting dalam memupuk JDK dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Di samping itu, terdapat juga penyair dari Sarawak sendiri yang lebih terdedah kepada iklim budaya setempat, menonjolkan kesenian tempatan dalam sajak. Hal ini mencerminkan penghayatan terhadap budaya tempatan yang dijelmakan dalam karya mereka sebagai memperkaya khazanah penulisan. Hal ini diungkapkan oleh Rosani Hiplee melalui sajak berjudul “*Permata Hati Sarawak*” (*Cinta Perempuan Cantik*, 2011, p. 54) pada r:8, b:1-5 seperti berikut:

Keringkam indah menirai peribadi
Terendak gah menghias budi
Sape syahdu berdendang diri
Kenyalang tidak lagi sunyi
jiwa bangsa mengibar panji.

Dalam sajak di atas penyair menggambarkan unsur budaya dan seni di Sarawak. *Keringkam* merupakan sejenis selendang dan alat muzik tradisional, iaitu *sape* ditonjolkan oleh penyair. *Terendak* pula ialah sejenis topi Melanau yang dianyam dengan mengambil bentuk-bentuk geometri turut diketengahkan dalam sajak ini. Unsur-unsur kebudayaan tradisi ini menjadi kebanggaan penyair yang berasal dari negeri Sarawak. Melalui sajak, kata *kerengkam*, *terendak*, *sape* dan *kenyalang* mewakili simbol kebudayaan negeri Sarawak yang dibanggakan. Seterusnya kata *peribadi*, *budi*, *diri* dan *panji* menjelaskan sajak ini berkisar tentang soal kebangsaan sebagai idea sajak. Peranan kata tersebut menunjukkan tanggungjawab

individu sebagai warga negara untuk membina negaranya yang dicintai. Ungkapan *jiwa bangsa mengibar panji* merupakan jalinan idea penyair terhadap JDK dan menggambarkan hasratnya ingin terus hidup bersatu padu dalam negara yang aman harmoni walaupun hidup dalam masyarakat yang majmuk. Pemilihan kata dan ungkapan ini menjelaskan sajak mengangkat persoalan JDK. Persoalan kebudayaan kaum yang diolah oleh penyair ini dapat dilihat sebagai kesedaran penyair untuk memantapkan perpaduan antara kaum yang menjadi matlamat pembinaan negara bangsa Malaysia. Oleh itu, penyair prihatin tentang apresiasi kepelbagaiannya budaya sebagai pengisian JDK yang dihasratkan melalui prinsip DKK yang kedua.

Seterusnya penyair Poul Nanggang menonjolkan kebudayaan etnik Sarawak melalui sajak “Long Jeeh” (*Permata Kalbu*, 2010, p. 125) seperti berikut:

...
sekian lama kutinggalkan dikau
hai Kuala Jeeh yang kurindukan!
lemah gemalai alunan sapeemu
meredupkan jiwaku
menenangkan ombak emosiku

Dalam sajak “Long Jeeh” melalui ungkapan *Sekian lama kutinggalkan dikau / hai Kuala Jeeh yang kurindukan! / lemah gemalai alunan sapeemu* menggambarkan imbauan penyair terhadap Kuala Jeeh yang telah lama ditinggalkan. Perasaan kerinduan terhadap Kuala Jeeh ini dibangunkan oleh penyair dalam sajak melalui alunan kelembutan sape yang dianggap telah sebatas dengan dirinya. Alat muzik tradisional sape dimunculkan oleh penyair menunjukkan hubungan penyair dengan warisan budaya yang sangat akrab. Tegasnya, warisan budaya tradisi ini membentuk jati diri penulis yang dibanggakan.

Demikian juga dalam sajak “Gawai: Dedikasi Sebuah Perjuangan” (*Permata Kalbu*, 2010, p. 134) seperti berikut:

...
Setiap tahun muncul bertandang musim Gawai
tanda selesai musim menuai
tanda berterima kasih kepada Tuhan
seluruh warga dayak riang gembira
menyambut hari kejayaan diwarnai upacara adat
warna-warni kehidupan kita dayak

Sajak di atas melalui ungkapan *Setiap tahun muncul bertandang musim Gawai/tanda selesai musim menuai/tanda berterima kasih kepada Tuhan/ seluruh warga dayak riang gembira/menyambut hari kejayaan diwarnai upacara adat/warna-warni kehidupan kita dayak memaparkan suasana sambutan perayaan Gawai oleh kaum Dayak. Hari Gawai disambut dengan penuh adat dan dirayakan secara turun-temurun sebagai tanda berterima kasih kepada Tuhan. Kata-kata seperti *adat*, *dayak* dan *gawai* mengapresiasi sajak kepada keunikian budaya kaum dayak yang dapat memberikan maklumat tentang perayaan Gawai. Oleh hal yang demikian, penggunaan alat muzik tradisional sape dan perayaan hari Gawai dalam dua sajak di atas menjelaskan unsur kebudayaan kaum di Sarawak yang membawa maksud bahawa unsur kebudayaan kaum itu bebas diamalkan dalam memupuk keharmonian nasional dan upaya menyatukan rakyat melalui elemen JDK yang mantap.*

Selanjutnya suara penyair tentang unsur-unsur kebudayaan etnik Sarawak dikesan dalam sajak oleh Rosani Hiplee yang bertajuk “Regatta Semasa” (*Cinta Perempuan Cantik*, 2011, p. 38) seperti yang berikut:

...

Pertama bermula 1872
Regatta, perlumbaan perahu
aneka warna berkayuh laju
membelah arus menuju mercu
riuh sorak bergema padu
biarpun tanpa layar “Maimunab1”
seluruh rakyat serasi bersatu
dalam semangat satu bangsa
beza ras tiada antara
negara membina makna merdeka
dengan keharmonian rasa kita
tiada lagi yang tertewaskan
dalam jiwa perjuangan
sebuah zaman.

Sajak ini memaparkan sejarah perlumbaan perahu kerajaan Rajah Putih kedua, iaitu Charles Brooke yang masih diraikan sehingga hari ini. Dalam sajak ini tergambar hasrat penyair tentang perpaduan yang boleh dicapai melalui semangat bekerjasama melalui acara lumba perahu. Melalui ungkapan *seluruh rakyat serasi bersatu/ dalam semangat satu bangsa/ beza ras tiada antara/negara membina makna merdeka/ dengan keharmonian rasa kita* dapat menjelaskan idea penyair terhadap semangat

JDK melalui rasa kebersamaan dalam sebuah negara yang merdeka. Ungkapan *semangat satu bangsa, beza ras tiada, negara, merdeka, keharmonian dan bersatu* pula menggambarkan penyair berbicara tentang negaranya, iaitu hasrat penyair melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang faham-memahami antara satu sama lain. Sikap ini dapat menyemai JDK yang jitu. Dalam konteks yang lebih luas penyair membina perkaitan semangat kebersamaan negeri Sarawak dalam Malaysia untuk memberikan erti kepada kemerdekaan negara. Hal ini diungkapkan oleh penyair melalui keharmonian dan semangat bangsa yang tidak mengira ras dalam pembinaan negara bangsa yang bersatu padu yang sekali gus menepati prinsip kedua DKK. Semangat dan kerjasama sebegini membina perpaduan dan keharmonian yang ingin dicapai dalam sesebuah negara.

Seterusnya, Sajak oleh Zaini Ozea berjudul “Warisan” (*Terkunci dan Terbelenggu*, 2011, p. 93) turut memaparkan unsur-unsur kebudayaan kaum lain sebagai unsur pemersatu rakyat di Malaysia. Dalam sajak ini penyair menggambarkan kekayaan budaya masyarakat di Sarawak yang menjadi jati diri masyarakat yang berbilang etnik. Hal ini dapat dilihat pada r:1, b:1-8 seperti di bawah:

Kunamakan kau tanah bertuah
Banjaran Matang dibaluti asap petani
Sungai Rajang mengalun dan rakit
Laut China selatan meramas pantai nelayan bumi berisi
Gunung Santubong bagai gadis santun bersimpuh
dibelai angin sejarah membawa bahtera pedagang
dan di kejauhan tingkah gendang mengiringi tandak
sesayup keromong mengiringi *ngajat* dan *belangi*.
...

Dalam sajak, ungkapan seperti *banjaran Matang, sungai Rajang, gunung Santubong, gendang, terendak, ngajat dan belangi* menggambarkan simbol masyarakat Sarawak yang digarap penyair melalui latar budaya dalam menonjolkan JDK. Penyair jelas menguasai alam dan budaya masyarakatnya. Pengalaman ini dituangkan dalam karya sebagai ilmu bantu yang berkesan sekali gus memperkaya sumber penulisan tanah air. Kepelbagaiannya unsur-unsur budaya yang dirangkumkan penyair melahirkan perasaan muhibah dalam mempertahankan jati diri masyarakatnya. Oleh hal yang demikian, kepelbagaiannya unsur budaya ini dilihat dapat menjadi wadah pemupukan keharmonian rakyat agar sentiasa hidup hormat-menghormati dan menghargai warisan kebudayaan kaum masing-masing.

Hal ini menepati prinsip kedua DKK itu sendiri seperti setiap kaum dijamin haknya mengapresiasi kebudayaan mengikut amalan masing-masing. Hal ini juga sejajar dengan latar belakang Malaysia yang bermasyarakat majmuk dan menyerlahkan kepelbagaiannya warisan kebudayaan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa rata-rata persoalan yang diungkapkan dalam sajak berkaitan kebebasan melaksanakan aktiviti kehidupan berdasarkan warisan budaya kaum masing-masing. Oleh itu, sajak mengadaptasi latar belakang Malaysia yang bermasyarakat majmuk dan hal ini dijalin dengan harmoni melalui DKK. Lanjutan daripada itu pengkaji mendapati sajak dapat mananamkan soal kepentingan bersama yakni unsur budaya pelbagai kaum yang harus dijayakan secara muhibah. Di sini sajak dilihat telah menjadi penggerak kepada hasrat pembinaan negara bangsa melalui pemahaman JDK yang mantap. Sajak-sajak tentang unsur kebudayaan kaum lain telah dianalisis berdasarkan prinsip kedua DKK yang menetapkan unsur kebudayaan kaum lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan. Melalui aplikasi dan analisis tersebut, sajak telah memperakankan unsur kebudayaan kaum lain ini bebas diamalkan selagi tidak bercanggah dengan agama Islam. Hal ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa unsur budaya kaum lain ini dapat berperanan sebagai elemen pemersatu rakyat seterusnya menjadi pemangkin semangat JDK di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Latif bin Abu Bakar. (2004). Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia, Syarahan Perdana sempena pengiktirafan Jawatan Profesor, Universiti Malaya, 4 October 2004.
- A. Aziz Deraman. (2001). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2001.
- A. Aziz Deraman. (2014) *Suara Gunung Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2002). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali bin Haji Ahmad, Hussein Onn. (1976). *Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Malaysia.
- Amat Juhari Moain. (2017). Bahasa Melayu menjadi Pembina dan Penyatu Bangsa dan Negara Malaysia. Hashim Ismail (Eds.), *Kebudayaan Kebangsaan Dicabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MALAY LITERATURE VOLUME 32 NUMBER 2 DECEMBER 2019

- Anwar Ridwan “Kata Pengantar”. (2008). Chew Fong Peng. *Budaya dan Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia*. Kuala Lumpur. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2008.
- Arba’ie Sujud & Asiah Abdul Rahman. (2015). Ilmu Stilistik dalam Penelitian Korpus Sastera, Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX (SALPBM IX), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, 3-4 Nov. 2015.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Kua Kia Soong. (2008). *13 Mei, Dokumen-dokumen Deklasifikasi tentang Rusuhan 1969 Malaysia*. Kuala Lumpur : Polar Vista Sdn. Bhd.
- Leo A.W.S. (2020). *Gelombang Cengkerama dan Tsunami*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Rajantheran dan Maniraman Subramaniam . (2012). Jati Diri Mengikut Kaca Mata Budaya Masyarakat India. Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd Yusof Hassan (Eds.), *Memartabatkan Kesusastraan Melayu dalam Peradaban Malaysia*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Marzuki Ali. (2011). *Pesan Bonda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marzuki Ali. (2013). *Rahang Lahar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nassury Ibrahim. (2014). *Gelodak Rasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazri Muslim. (2017). *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Poul Nanggang. (2010). *Permata Kalbu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rais Yatim. (2009). Pembudayaan dan Pembinaan Negara Bangsa. Norliza Rofli, Eddin Khoo (Eds.). *Kebudayaan Malaysia Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Rosani Hiplee. (2011). *Cinta Perempuan Cantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2011.
- Siti Marina Kamil. (Oktober, 2014). Tudung Keringkam: Legasi Etnik Melayu Sarawak. *Peribumi*.
- Tarigan, Henry Guntur. (2008). *Membaca sebagai Suatu Keterampilan Berbahasa*. Bandung: Angkasa Bandung.
- Ting Chew Peh. (1979, Ogos). Kebudayaan Cina dalam Pelaksanaan Dasar Kebudayaan Nasional. *Dewan Budaya*, 49-51. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaini Ozea. (2013). *Terkunci dan Terbelenggu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Received: 27 March 2019

Accepted: 5 November 2019